

## **Khidmat Masyarakat Beri Peluang Pelajar Promosi UTHM Pada Masyarakat**

TANGKAK, 22 Nov (Bernama) -- Program Khidmat Masyarakat yang dilakukan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) secara tidak langsung dapat mempromosikan universiti itu kepada masyarakat luar termasuk Orang Asli.

Pengarah Pusat Kokurikulum UTHM, Profesor Madya Dr Ahmad Esa berkata pihaknya sentiasa menggalakkan para pelajar mengadakan program sedemikian terutama di seluruh Johor termasuk di kawasan pedalaman.

"Program ini adalah amat penting bukan sahaja membolehkan pelajar dapat bergaul dengan masyarakat setempat, namun yang lebih penting bagaimana dapat mempromosikan UTHM ini di mata masyarakat setempat itu.

"Ini juga memberi peluang keemasan kepada pelajar supaya dapat berkongsi ilmu maklumat, pengalaman dan juga kemahiran yang dimiliki mereka bersama masyarakat luar," katanya ketika berucap pada majlis Program Khidmat Masyarakat UTHM di Kampung Orang Asli Tanah Gembur, di sini Ahad.

Majlis itu dirasmikan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir Hamim Samuri.

Turut hadir Pegawai Jabatan Kebajikan Orang Asli Muar/Ledang, Suzilla Baki, Pegawai Pendidikan Daerah Ledang, Md Rashidi Md Dom dan Tok Batin Kampung Tanah Gembur, Jengkeng Jani.

Seramai 29 orang pelajar UTHM menyertai program selama dua hari itu yang turut mengadakan program seperti kelas Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris, kesedaran kesihatan dan aktiviti fizikal.

Ahmad berkata program yang dianjurkan itu dapat menggembleg amalan perkhidmatan kesukarelawan, membentuk jati yang utuh, menyemarakkan iltizam dan berganding bahu antara pelajar dan masyarakat.

Sementara itu Suzilla berkata, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Muar/Ledang tetap memberikan tumpuan khusus bagi meningkatkan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli di kedua-dua daerah ini.

Beliau berkata walaupun para pelajar masyarakat itu tidak disediakan asrama, segala kebajikan mereka tetap diutamakan, termasuk mengadakan kelas tambahan untuk mereka.

"Pihak sekolah dan jabatan mengadakan kaunseling kepada mereka agar menitikberatkan pelajaran termasuk hadir ke sekolah setiap hari dan Alhamdulillah telah banyak kejayaan yang mereka perolehi sehingga masuk ke universiti dan mempunyai pekerjaan yang baik," katanya.